

# Kakitangan UMS wajar pupuk pembudayaan inovasi dan kreativiti

UB 4-12-2014 A2

KOTA KINABALU: Kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) wajar untuk terus memupuk serta menghayati usaha pembudayaan inovasi dan kreativiti seumpama

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2014.

Naib Canselor UMS Datuk Dr Harun Abdullah berkata, amalan dan pembudayaan itu selaras dengan

matlamat program transformasi negara bagi mewujudkan enjin baharu.

Menurutnya, ia bagi melaksanakan perubahan dan membina momentum dalam menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan.

“Justeru, dengan menggalakkan penubuhan KIK, ruang dan peluang juga dapat diberikan kepada para kakitangan untuk menyuarakan sesuatu cadangan penyelesaian masalah kepada UMS.

“Sebagai contoh, KIK Nexus telah mencadangkan penyelesaian kepada masalah pengambilan jawatan akademik dan bukan akademik, KIK Dinamik pula mencadangkan troli dinamik, KIK TechKal mencadangkan papan lutsinar sementara KIK Regiment pula mencadangkan penyelesaian kepada masalah Laporan Penilaian Tahunan (LNPT),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Konvensyen KIK, UMS Keempat 2014 di sini kelmarin.

Harun berkata, KIK M-Tech pula mencadangkan penyelesaian terhadap maklumat peralatan makmal dan KIK Dinamik sekali lagi mencadangkan Smart Dinamik.

“Kesemua pasukan ini telah berjaya mewakili UMS dalam Konvensyen KIK di peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Konvensyen KIK anjuran MPC Peringkat Kebangsaan, Konvensyen KIK Sektor Awam Negeri Sabah serta Konvensyen KIK anjuran MPC Sarawak dan Sabah.

“Serta yang terbaharu kita berjaya mewakili UMS sekali gus mewakili negara dalam Konvensyen Kualiti di peringkat Asia Pasific,” katanya.

Beliau berkata, kejayaan yang diperoleh perlu didasarkan kepada keupayaan dalam memperkenalkan perubahan dan yang paling penting idea kreatif dan inovatif itu menjadi realiti.

“Setiap idea dan cetusan pemikiran haruslah diaplikasikan dengan cara yang terbaik untuk mendapatkan output yang mekanisme.

“Dalam hal ini, pihak pengurusan atasan di setiap JFPIU perlu menyuburkan semangat untuk berkreaitif di kalangan kakitangan, di samping membanteras kekangan mental yang lazim berlaku yang menjadi halangan kepada proses pemikiran kreatif seperti takut gagal, takut dikritik dan takut mengambil risiko,” katanya.



**HARUN (tengah) bergambar bersama para peserta konvensyen KIK yang terdiri daripada empat kumpulan.**